

25 NOV 1998

Sabah-Pilihan Raya (Analisis Berita)

SABAH TERUS DILANDA SPEKULASI PILIHAN RAYA

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 25 Nov (Bernama) -- Minggu ini Sabah terus dilanda spekulasi mengenai pembubaran Dewan Undangan Negeri selepas ramalan ia akan dibubarkan sebaik sahaja selesai persidangan lima hari dewan itu minggu lepas, tidak menjadi kenyataan.

"Persoalannya sama ada pilihan raya diadakan tahun ini atau tahun depan. Kalau dewan dibubarkan tahun ini, maka ada kemungkinan ia akan berlaku dalam tempoh yang terdekat ini," kata seorang pemerhati.

Beberapa tokoh politik turut merasakan bahawa sekiranya kerajaan bercadang untuk mengadakan pilihan raya tahun ini, maka tempoh paling sesuai untuk pembubaran Dewan Undangan Negeri ialah dalam seminggu dua ini.

Alasan mereka ialah Sabah boleh mengelak daripada mengadakan pilihan raya ketika kemuncak musim tengkujuh menjelang hujung bulan depan sekiranya Dewan Undangan Negeri dibubarkan sekarang.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok ketika diajukan soalan mengenai tarikh pilihan raya, hanya berkata ia akan diadakan pada bila-bila masa antara sekarang dan 18 Mac tahun depan.

Bagaimanapun beliau berkata, BN telah menerima senarai nama calon yang dicadangkan oleh beberapa parti komponen -- kenyataan yang menguatkan lagi spekulasi bahawa pilihan raya semakin hampir.

"Ia hanya cadangan daripada parti komponen. Setakat ini belum ada perbincangan khusus dalam BN mengenai soal calon pada pilihan raya akan datang," kata beliau.

Sambil mengatakan bahawa "masih ada masa yang panjang untuk mengadakan pilihan raya" Dompok juga berkata mesyuarat BN pada malam Ahad lepas juga tidak membincangkan secara khusus mengenai tarikh pilihan raya.

"Walaupun pilihan raya ada disentuh dalam perbincangan tetapi ia bukanlah tumpuan mesyuarat berkenaan. Mesyuarat itu juga bukan diadakan khusus untuk membincangkan soal pilihan raya," kata beliau.

Sabah mengadakan pilihan raya yang lepas pada 18-19 Feb 1994 yang menyaksikan PBS mendapat 25 kerusi daripada 48 kerusi manakala Barisan Nasional (BN) mendapat 23 kerusi.

PBS bagaimanapun kehilangan majoriti di Dewan Undangan Negeri kira-kira sebulan selepas itu apabila sebahagian besar wakil rakyatnya sama ada menyertai BN atau menubuhkan parti lain dan kemudian menyertai BN.

BN kemudian membentuk kerajaan negeri pada 17 Mac tahun yang sama, menandakan bermulanya sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang bertujuan memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- untuk menerajui kerajaan negeri masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam ketika ditanya pendapatnya mengenai kemungkinan tarikh pilihan raya, turut memberikan jawapan bahawa ia akan diadakan pada bila-bila masa dari sekarang.

Sumber-sumber dalam kerajaan bagaimanapun menjangka ia akan diadakan "dalam tempoh yang terdekat ini" walaupun hanya pemimpin tertinggi yang mengetahui tarikh sebenar.

Ada juga kalangan yang menjangka Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan sebelum lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah pada Jumaat dan Sabtu ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN dijadualkan antara lain akan melancarkan jentera pilihan raya Pergerakan Pemuda BN serta merasmikan Kongres Keempat Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS), sebuah parti komponen

BN.

"Saya mendapat tahu bahawa parti komponen BN telah menyatakan bahawa mereka suka jika Dewan Undangan Negeri dibubarkan tahun ini," menurut satu sumber.

Kenyataan beliau itu diasaskan kepada kedudukan BN di Sabah ketika ini yang dikatakan masih mendahului daripada segi sokongan rakyat walaupun pembangkang Parti Bersatu Sabah (PBS) mendakwa sokongan terhadap mereka semakin meningkat.

Kalangan pemerhati berkata sokongan yang berpihak kepada BN ketika ini dianggap bakal mewujudkan suasana yang sesuai untuk mengadakan pilihan raya.

Spekulasi mengenai pilihan raya di Sabah bagaimanapun bukanlah sesuatu yang baru, malah ia juga tidak menghairankan memandangkan politik dan pilihan raya di Sabah semenangnya tidak pernah sunyi daripada kemeriahan.

Khabar angin mengenai pilihan raya negeri akan datang sudah mula diperkatakan sejak setahun lepas ketika BN mengadakan pilihan raya olok-olok di semua kawasan pilihan raya negeri ini bagi menguji keberkesanan jenteranya.

Pada April tahun ini, spekulasi turut hangat mengenai kemungkinan pilihan raya diadakan lebih awal, tetapi seperti juga khabar angin yang lain, spekulasi ini pun tinggal hanya sebagai spekulasi.

Namun begitu tidak semua pemerhati politik percaya pilihan raya akan diadakan dalam tempoh yang singkat ini, ada yang yakin ia hanya akan diadakan tahun depan selepas perayaan Tahun Baru Cina.

Seperti kata Dr Mahathir dalam lawatan-lawatannya ke Sabah sebelum ini, semua pihak bebas membuat spekulasi mengenai tarikh pilihan raya, dan akhirnya nanti "tekaan itu akan menjadi betul."

-- BERNAMA

JS NMO